

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
(SANDAKAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendapatan Kerajaan yang dikutip daripada sektor perjudian empat digit khususnya di Sabah dari tahun 2011 hingga 2015. Nyatakan bilangan kedai empat digit dalam pecahan negeri di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil yang dikutip (meliputi perlesenan, cukai perjudian dan duti pertaruhan) daripada aktiviti pertaruhan nombor ramalan (NFO) di Negeri Sabah untuk tahun 2012 hingga 2015 berjumlah RM142 juta. Manakala bilangan premis NFO yang dibenarkan untuk beroperasi pada masa sekarang di seluruh negara berjumlah 1,663.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN JULIAN TAN KOK PING**

**SOALAN : NO. 285**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini perundingan terima masuk ke IPTA berdasarkan sijil UEC seperti yang disetujukan oleh Ketua Menteri Sarawak. Nyatakan secara terperinci hasil perundingan semenjak ianya dibangkitkan oleh Ketua Menteri Sarawak serta langkah-langkah positif yang telah dikenal pasti serta jangka masa yang ditentukan demi mencapai pengisytiharan UEC oleh IPTA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berpandangan bahawa isu pengiktirafan Unified Examination Certificate (UEC) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Buat masa ini, KPT tidak mengiktiraf UEC untuk tujuan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di atas sebab-sebab yang berikut:

- i. UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;
- ii. Sistem penilaian UEC dibuat oleh badan penilai sendiri dan bukannya oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, KPM, sekali gus tidak memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan;
- iii. Mata pelajaran Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan mata pelajaran Bahasa Melayu (KOD : 1103 ) di peringkat SPM;
- iv. Liputan sejarah negara dalam kurikulum UEC tidak selari dengan sejarah negara; dan

- v. Syarat am kelayakan kemasukan IPTA hendaklah menduduki SPM dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (KOD: 1103) serta lulus mata pelajaran Sejarah (KOD : 1249 - mulai tahun 2013).

Sehubungan itu, sijil UEC tidak boleh diguna pakai sebagai kelayakan masuk ke IPTA di bawah KPT.

KPT bersedia mempertimbangkan pengiktirafan UEC untuk tujuan kemasukan ke IPTA sekiranya semua syarat dan keperluan di atas dipenuhi.